

KSU sokong parti lawan patut berundur

BH 18 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Kakitangan kerajaan termasuk Ketua Setiausaha (KSU) kementerian yang menyokong parti pembangkang wajar meletakkan jawatan kerana berlaku percanggahan kepentingan individu berkenaan.

KSU seperti itu yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan bukan sahaja berbahaya kepada negara tetapi kepada rakyat kerana mereka akan gagal melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Veteran Umno, Tan Sri Mustapa Jabar, berkata tindakan seseorang yang memegang jawatan tinggi dalam kerajaan tetapi menyokong parti pembangkang, adalah suatu perangai luar biasa.

Menurutnya, KSU seperti itu sebaik-baiknya meletakkan jawatan kerana mereka tidak menyokong kerajaan.

“Mereka adalah pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk melaksanakan dasar parti yang memerintah iaitu Barisan Nasional (BN). Sekiranya mereka tidak menyokong kerajaan berkenaan, bagaimana mereka ingin melaksanakan dasar kerajaan itu.

“Mereka ini adalah bahaya kerana saya bimbang mereka ini akan melaksanakan lain daripada yang disuruh kerajaan. Oleh itu, lebih baik mereka meletak jawatan dan bekerja sendiri atau menyertai parti pembangkang,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa ramai kakitangan kerajaan termasuk KSU yang mengakui menyokong Pas tetapi tidak dikenakan tindakan.